



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP)  |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 29 Mei 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Farmasi didenda RM50,000 pamer harga mengelirukan

Pendakwaan buktikan tuduhan melampaui keraguan munasabah akhir kes pembelaan

Oleh Zatul Iffah Zolkiply  
zatuliffah@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Sebuah farmasi didenda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana mempamerkan harga susu kambing yang mengelirukan pengguna, tiga tahun lalu.

Hakim Nazlyza Mohamad Nari membuat keputusan terhadap Orang Kena Saman (OKS), iaitu Lau & Tan Pharmacy yang diwakili Pengarah Urusan, Datuk Lau Tiam Kwee selepas pihak pendakwaan membuktikan tuduhan melampaui keraguan munasabah pada akhir kes pembelaan.

Terdahulu, Nazlyza dalam penghakimannya berkata, hukuman bukan sekadar untuk memberi peringatan, pengajaran dan keinsafan kepada pelaku semata-mata, sebaliknya untuk mem-

beri pengajaran kepada masyarakat.

"Dalam konteks ini, kepentingan awam adalah mengatasi kepentingan OKS sendiri," katanya.

**Pamer harga susu kambing**  
Mengikut pertuduhan, OKS didakwa melakukan kesalahan memberikan seseorang pengguna gambaran yang mengelirukan mengenai harga pada barang, iaitu susu Purenat Goat Gold Milk Powder 800 gram.

Berdasarkan pertuduhan, harga dipamerkan kepada pengguna di rak jualan ialah RM89.90, walaupun harga dilekatkan pada tin susu adalah RM91.90.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis di Pusat Komersial Chabang Tiga di sini, jam 9.30 pagi pada 25 Mei 2022.

OKS didakwa mengikut Seksyen 12(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(1)(a) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Wan Mohd Izzat Wan Abdullah dan Pegawai Pendakwa KPDN, Nur Amirah Mokhtar.

OKS diwakili peguam, Nurul Izzah Mohd Nazri.



Tiam Kwee di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.  
(Foto Ghazali Kori/BH)

## Kelirukan harga susu kambing, syarikat farmasi didenda RM50,000

**KUALA TERENGGANU:** Sebuah syarikat farmasi didenda sebanyak RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana mempamerkan harga produk susu kambing yang mengelirukan kepada pengguna, tiga tahun lalu.


Orang Kena Saman (OKS) iaitu syarikat berkenaan yang diwakili Pengarah Urusan kepada Lau & Tan Pharmacy, Datuk Lau Tiam Kwee didapati bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Hakim Nazlyza Mohamad Nazri membuat keputusan tersebut selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan tuduhan melampaui keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Berdasarkan pertuduhan, susu kambing jenama Purenat Goat Gold Milk Powder seberat 800 gram dipamerkan harga RM89.90 sedangkan harga sebenar yang dikenakan kepada pengguna adalah RM91.90.

Kesalahan tersebut dilakukan di sebuah cawangan syarikat farmasi tersebut beralamat di Pusat Komersial Cabang Tiga, Kuala Terengganu.

Terdahulu, Nazlyza dalam penghakimannya berkata, hukuman bukan sekadar untuk memberi peringatan, pengajaran dan keinsafan kepada pelaku semata-mata sebaliknya



LAU Tiam Kwee (kanan) dibawa keluar dari Mahkamah Seksyen Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY ROSLI

untuk memberi pengajaran kepada masyarakat.

OKS didakwa melakukan kesalahan tersebut di bawah Seksyen 12(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999. Pendakwaan

dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Terengganu, Nur Amirah Mokhtar dan OKS diwakili peguam, Nurul Iz Zah Mohd. Nazri.

## Farmasi kelirukan pengguna kena denda RM50,000

**Kuala Terengganu:** Sebuah farmasi didenda RM50,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana mempamerkan harga susu kambing mengelirukan pengguna, tiga tahun lalu.

Orang kena saman (OKS) iaitu syarikat Lau & Tan Pharmacy yang diwakili Pengarah Urusan Datuk Lau Tiam Kwee didapati bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Hakim Nazlyza Mohamad Nazri membuat keputusan itu selepas selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan tuduhan melampaui keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Terdahulu, Nazlyza dalam penghakimannya berkata, hukuman bukan sekadar untuk memberi peringatan, pengajaran dan keinsafan kepada pelaku semata-mata sebaliknya memberi pengajaran.

"Dalam konteks ini, kepentingan awam adalah mengatasi kepentingan OKS sendiri," katanya.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa melakukan

kesalahan memberikan seseorang pengguna gambaran yang mengelirukan mengenai harga pada barang iaitu susu Purenat Goat Gold Milk Powder 800 gram.

Berdasarkan pertuduhan, harga yang dipamerkan kepada pengguna di rak jualan adalah RM89.90 walaupun harga dilekatkan pada tin susu adalah RM91.90.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis di Pusat Komersial Chabang Tiga di sini, jam 9.30 pagi pada 25 Mei 2022.

OKS didakwa mengikut Seksyen 12(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 25(1)(a) akta yang sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Wan Mohd Izzat Wan Abdullah dan Pegawai Pendakwa KPDN Nur Amirah Mokhtar.

OKS pula diwakili peguam, Nurul Izzah Mohd Nazri.



FARMASI yang diwakili Lau (kanan) didapati bersalah terhadap pertuduhan mempamerkan harga susu kambing mengelirukan pengguna, tiga tahun lalu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

# Pamer harga RM89.90, tapi jual RM91.90


Farmasi didenda RM50,000 pamer harga produk susu kambing mengelirukan

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA TERENGGANU

**S**ebuah syarikat farmasi didenda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu selepas disabitkan kesalahan memberikan gambaran mengelirukan mengenai harga barang kepada pengguna yang menjadi kesalahan di bawah Seksyen 12(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Hukuman itu diputuskan oleh Hakim Nazlyza Mohamad Nazri selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan tuduhan melampaui keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, kesalahan itu melibatkan barang susu kambing yang dipamerkan dengan tanda harga RM89.90, sedangkan harga sebenar yang dikenakan kepada



Wakil syarikat farmasi (kanan) berbincang sesuatu dengan peguam di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Rabu.

pengguna adalah RM91.90.

Kesalahan itu di dakwa dilakukan di sebuah cawangan syarikat farmasi tersebut beralamat di Pusat Komersial Cabang Tiga, Kuala Terengganu pada 25 Mei 2022.

Lima saksi pendakwaan dan enam saksi pembelaan telah dikemukakan sepanjang prosiding yang bermula sejak 2023.

Pihak mahkamah dalam keputusannya menyatakan bahawa perbezaan harga yang berlaku telah menimbulkan kekeliruan kepada

pengguna dan merupakan satu bentuk pelanggaran hak pengguna yang serius.

Selain itu, pihak mahkamah turut mengambil kira fakta bahawa kesalahan tersebut bukan kali pertama dan telah berlaku dalam tempoh masa yang munasabah tanpa tindakan pembetulan oleh pihak syarikat.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Terengganu, Nur Amirah Mokhtar manakala syarikat berkenaan diwakili peguam Nurul Izzah Mohd Nazri.

**Mahkamah  
& Jenayah**

# Sorok kasut, beg ciplak dalam guni

**Alor Setar:** Cuba seludup beribu kasut dan beg tiruan bernilai lebih RM257,000 disembunyikan di dalam berpuluhan guni.

Itu cubaan sindiket penyeludupan barang tiruan dari negara jiran yang ditumpaskan pihak berkuasa susulan penahanan dua lori berhampiran sempadan Bukit Kayu Hitam di sini, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, kejayaan itu hasil kerjasama Pasukan Gerakan Am (PGA) Kompeni B Batalion 1 Ulu Kinta yang menahan dua lori dipandu dua lelaki di pintu sempadan negara sekitar jam 8 malam kelmarin.

"Hasil pemeriksaan menemui sejumlah barang dibungkus di dalam guni dan diletakkan di bahagian belakang lori itu.

"Pemeriksaan

lanjut menemui 387 beg dan 1,528 pasang kasut pelbagai jenama yang disyaki tiruan. Nilai sitaan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM257,865," katanya.

Muhammad Nizam berkata, kes disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019.

"Mana-mana individu boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi setiap barang tiruan atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

"Manakala denda sehingga RM20,000 dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kali kedua.

"Bagi pertubuhan atau perbadanan pula boleh denda sehingga RM15,000 bagi kesalahan pertama dan denda RM30,000 bagi kesalahan kedua," katanya.

**Nilai sitaan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM257,865**



(芙蓉28日讯) 马华森州联委会主席廖国赈认为，国内贸易及生活成本部近期展开“严打行动”(Ops Gasak)，突击检查小贩餐饮业者是否非法使用家用液化石油气，名义上是打击滥用补贴，实际却像“闯空门”，把在夹缝中求存的小贩当成罪犯。

他说，不分青红皂白“一刀切”执法，显然对中小型业者缺乏同理心和包容心。

“马华不反对取缔滥用资源的执法行动，但执法目标是小贩，还是另有其人？政府却选择向小贩‘开刀’。”

他今日发表文告指出，芙蓉已有数家餐馆被执法人员充公石油气桶，此举已让小贩业者及民众感到人心惶惶。高出三倍价格商用液化石油气取代家用石油气的政策，促使小贩设法要自行吸纳成本，又或是转嫁给消费者。

他认为，这不是政策改革，而是“头痛医头、脚痛医脚”，这边厢说要扶持中小微企业，却在经济仍未完全复苏时刻，以突袭式执法，让人民措手不及。

## 廖國賑

# 像把小販當罪犯 內貿部嚴打行動



■ 廖國賑

“政府应在严厉执法行动前，为贩商提供一段缓冲期，小贩才是真正撑起国家基层经济的无名英雄，他们不是‘偷煤气的罪人’，更是保障民生基本供应的前线人员。”

他促请政府应先立刻停止当前的执法行动，成立跨部门小组与业者进行对话，厘清真正问题所在，为小本经营的小贩业者推出另一种可行的补贴机制，包括推出介于家用与工业之间的商用补贴石油气，或设立像柴油的申请制度，为特定行业提供合理补贴。

他说，政府政策应以民为本，如果继续对民间困苦视而不见，漠视小贩生存权益，只怕人民可能在下届大选用手中一票表达他们的“Ops Gasak”。

ஒரு கிலோ கடுகுக் கீரை

## 9 ரிஸ்கிட் 99 காசா?

புகார் பற்றி விசாரணை

போர்ட்டிக்சன், மே 29-

போர்ட்டிக்சனில் உள்ள பேரங்காடியில் ஒரு கிலோ கடுகுக்கீரை 9 ரிஸ்கிட் 99 காசுக்கு விற்கப்பட்டதாக வைரலான தகவல் குறித்து நெசிரி செம்பிலான் மாநில உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கை செலவினத்துறை விசாரித்து வருகிறது என்று அதன் இயக்குநர் முகமத் ஸாகி மலைவான் தெரிவித்தார். போர்ட்டிக்சன் விளையின் அமலாக்கத்துறையின் அதிகாரிகள் இதுபற்றி விசாரிக்கின்றனர். அந்தப் போங்காடிக்கும் அவர்கள் கொண்டுள்ளனர். அங்கு விரிப்பைக்கு வைக்கப்பட்டிருந்த ஒரு கிலோ கடுகுக் கீரை 5 ரிஸ்கிட் 99 காசுக்கு



விற்கப்பட்டதும் வைரலானதுபோல் கிலோ கடுகுக்கீரை 9 ரிஸ்கிட் 99 காசுக்கு விற்கப்படவில்லை என்பதும் தெரிய வந்தது. பொருட்களின் விலை தினசரி மற்றுப்புலிருது என்று அங்கிருந்த நிலாக்கி விளக்கம் அளித்திருப்பதாகவும் அவர் கூறினார். பயனிடாளர்கள் இதுபோன்ற குழப்பமான

தகவல்களை வைரலாக்கி கூடாது. மாராக அதிகரிக்கிடம் தங்கள் புகாசனைத் தெரிவிக்கலாம். ஆகவே அன்றைய தினமே உரிய நடவடிக்கை எடுக்கப்படும் என்று அவர் குறிப்பிடார்.

ஒரு கிலோ கடுகுக்கீரை 9 ரிஸ்கிட் 99 காசுக்கு விற்கப்பட்டதாக ஒருவகுப்புகள் கூறியிருந்தார். ஆனால் அந்த நபர் கூறியிருப்பதுபோல் அந்த விலைக்கு கடுகுக்கீரை விற்கப்படவில்லை என்று உள்ளார்க் சேந்தவகள் சலுக ஜடகங்களில் பதிலளித்திருந்தனர்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 29 MEI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-May	KPDN tahan lelaki seludup petrol di Kota Bharu	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/744569">https://www.malaysiakini.com/news/744569</a>	MALAYSIA KINI
29-May	Pasar raya didakwa jual sawi RM9.99 sekilogram disiasat	<a href="https://amiminerals.org/nasional/pasar-raya-didakwa-jual-sawi-rm9-99-sekilogram-disiasat/">https://amiminerals.org/nasional/pasar-raya-didakwa-jual-sawi-rm9-99-sekilogram-disiasat/</a>	AMIMINERALS
29-May	Harga Sawi RM9.99 Tular, KPDN Nafi Dakwaan dan Saran Buat Aduan Terus	<a href="https://refleks.my/harga-sawi-rm9-99-tular-kpdn-nafi-dakwaan-dan-saran-buat-aduan-terus/">https://refleks.my/harga-sawi-rm9-99-tular-kpdn-nafi-dakwaan-dan-saran-buat-aduan-terus/</a>	REFLEKS
29-May	KPDN enforces Gawai price cap on 11 items in Sibu	<a href="https://www.sarawaktribune.com/kpdn-enforces-gawai-price-cap-on-11-items-in-sibu/">https://www.sarawaktribune.com/kpdn-enforces-gawai-price-cap-on-11-items-in-sibu/</a>	SARAWAK TRIBUNE
29-May	SHMMP Gawai 2025: KPDN Sibu kawal harga 11 barang asas mulai esok	<a href="https://utusansarawak.com.my/shmmp-gawai-2025-kpdn-sibu-kawal-harga-11-">https://utusansarawak.com.my/shmmp-gawai-2025-kpdn-sibu-kawal-harga-11-</a>	UTUSAN SARAWAK
29-May	KPDN Kedah rampas kasut, beg tiruan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1401503/kpdn-kedah-rampas-kasut-beg-">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1401503/kpdn-kedah-rampas-kasut-beg-</a>	BERITA HARIAN
29-May	MCA gesa KPDN nilai semula harga LPG kepada PKS	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/731067/berita/nasional/mca-gesa-kpdn-nilai-semula-harga-lpg-">https://www.sinarharian.com.my/article/731067/berita/nasional/mca-gesa-kpdn-nilai-semula-harga-lpg-</a>	SINAR HARIAN
29-May	'Larang kedai makan guna LPG domestik akan bebankan pengguna'	<a href="https://barangmurah.my/berita/larang-kedai-makan-guna-lpg-domestik-akan-bebankan-pengguna/">https://barangmurah.my/berita/larang-kedai-makan-guna-lpg-domestik-akan-bebankan-pengguna/</a>	BARANGMURAH
29-May	'Larang kedai makan guna LPG domestik akan bebankan pengguna'	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/744581">https://www.malaysiakini.com/news/744581</a>	MALAYSIA KINI
29-May	Harga mengelirukan, syarikat farmasi didenda RM50,000	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/harga-mengelirukan-syarikat-farmasi-didenda-rm50000/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/harga-mengelirukan-syarikat-farmasi-didenda-rm50000/</a>	TV3

29-May	Farmasi didenda RM50,000 pamer harga susu kambing mengelirukan	<a href="https://api.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1401672/farmasi-didenda-rm50000-pamer-harga-susu-kambing-mengelirukan">https://api.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1401672/farmasi-didenda-rm50000-pamer-harga-susu-kambing-mengelirukan</a>	BERITA HARIAN
29-May	Syarikat farmasi didenda RM50,000 keliru harga susu kambing	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/syarikat-farmasi-didenda-rm50000-keliru-harga-susu-kambing/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/syarikat-farmasi-didenda-rm50000-keliru-harga-susu-kambing/</a>	UTUSAN
29-May	Farmasi didenda RM50,000 pamer harga susu kambing mengelirukan	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/05/1223870/farmasi-didenda-rm50000-pamer-harga-susu-kambing-mengelirukan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/05/1223870/farmasi-didenda-rm50000-pamer-harga-susu-kambing-mengelirukan</a>	HARIAN METRO
29-May	Syarikat farmasi didenda RM50,000 pamer harga susu kambing mengelirukan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/731043/berita/semasa/syarikat-farmasi-didenda-rm50000-pamer-harga-susu-kambing-mengelirukan">https://www.sinarharian.com.my/article/731043/berita/semasa/syarikat-farmasi-didenda-rm50000-pamer-harga-susu-kambing-mengelirukan</a>	SINAR HARIAN
29-May	Papar harga mengelirukan, farmasi didenda RM50,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/papar-harga-mengelirukan,-farmasi-didenda-rm50,000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/papar-harga-mengelirukan,-farmasi-didenda-rm50,000</a>	RTM
29-May	Pharmacy fined RM50,000 for misleading price on product	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/05/28/pharmacy-fined-rm50000-for-misleading-price-on-product">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/05/28/pharmacy-fined-rm50000-for-misleading-price-on-product</a>	THE STAR
29-May	Pharmacy fined RM50,000 for tagging misleading price on product	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/pharmacy-fined-rm50000-for-tagging-misleading-price-on-product-MA14149371">https://thesun.my/malaysia-news/pharmacy-fined-rm50000-for-tagging-misleading-price-on-product-MA14149371</a>	THE SUN
29-May	Pharmacy fined RM50,000 for tagging misleading price on product	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/05/1222829/pharmacy-fined-rm50000-tagging-misleading-price-product#google_vignette">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/05/1222829/pharmacy-fined-rm50000-tagging-misleading-price-product#google_vignette</a>	NEW STRAITS TIMES

29-May	KPDN tahan lelaki seludup petrol di Kota Bharu	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2428363">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2428363</a>	BERNAMA
29-May	KPDN tahan lelaki seludup petrol di Kota Bharu	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/744569">https://www.malaysiakini.com/news/744569</a>	MALAYSIA KINI
29-May	KDPN nabs man for suspected misappropriation of subsidised petrol in Kota Bharu	<a href="https://malaysiacorner.com/story/kdpn-nabs-man-for-suspected-misappropriation-of-subsidised-petrol-in-kota-bharu/r87164320">https://malaysiacorner.com/story/kdpn-nabs-man-for-suspected-misappropriation-of-subsidised-petrol-in-kota-bharu/r87164320</a>	MALAYSIA CORNER'
29-May	KPDN tahan lelaki seludup petrol di Kota Bharu	<a href="https://berita.razzi.my/2025/05/mkinimy-kpdn-tahan-lelaki-seludup.html">https://berita.razzi.my/2025/05/mkinimy-kpdn-tahan-lelaki-seludup.html</a>	BERITA RAZZI
29-May	KPDN tahan lelaki seludup petrol di Kota Bharu	<a href="https://barangmurah.my/berita/kpdn-tahan-lelaki-seludup-petrol-di-kota-bharu/">https://barangmurah.my/berita/kpdn-tahan-lelaki-seludup-petrol-di-kota-bharu/</a>	BARANGMURAH
29-May	Harga dipapar dan dibayar pelanggan tak sama, KPDN siasat pasar raya	<a href="https://www.malaysiadateline.com/harga-dipapar-dan-dibayar-pelanggan-tak-sama-kpdn-siasat-pasar-ray/#google_vignette">https://www.malaysiadateline.com/harga-dipapar-dan-dibayar-pelanggan-tak-sama-kpdn-siasat-pasar-ray/#google_vignette</a>	MALAYSIADATELINE